

Kebudayaan Islam

Islam mempunyai kedudukan yang istimewa di antara agama-agama lain, kerana ajarannya tidak terdiri di atas sikap memejamkan mata daripada dunia dan segala yang terkandung di dalamnya, atau memencilkan diri daripada kesenangan hidup, bahkan ajaran-ajaran Islam itu terdiri di atas amalan mencari keredaan Allah dalam merempuh alam kehidupan yang berupa kebendaan.

(Oleh: Dr al-Syed Muhammad Yusuf, Ketua Pengajian Islam, di Universiti Ceylon)

Sikap Islam yang demikian telah menimbulkan dengan serta-merta usaha pembinaan sebuah negara Islam yang luas dan kuat, yang mengambil berat dalam menyediakan kekuatan pertahanan, dan memperbanyak punca-punca yang mendatangkan hasil negeri, serta memudahkan jalan yang membawa kesenangan dan kelapangan hidup kepada orang ramai. Dalam pada itu Islam tidak lupa daripada berusaha bersungguh-sungguh pada membersihkan jiwa rakyat dan memperbaiki akhlakunya.

Agama dan Siyash

Inilah dia yang dikatakan menyatupadukan di antara agama dan siyash di dalam Islam, kerana undang-undang dan peraturan-peraturan yang zahir tak dapat tiada mestilah timbulnya daripada peraturan-peraturan yang diwajibkan oleh manusia atas dirinya dengan dorongan dari tabiat semula jadi yang baik, dan dari keredaan hati yang ikhlas, sehinggalah masyarakat luar dan akhlak perseorangan itu lengkap sempurna, kemudian datang pula kuasa kerajaan yang

terdiri bukan di atas paksaan bahkan di atas kerjasama dan bertolong bantu sekalian penduduk. Ia juga akan bertambah teguh kedudukannya kalau dia mempunyai cita-cita dan tujuan yang disepakati ramai, yang tidak boleh berubah dari semasa ke semasa, sebagaimana bertukar kesannya hawa nafsu manusia.....

Segala-galanya Hanya Tunduk Kepada Allah

Pendeknya Islam mempunyai pandangan yang meliputi dan tegas terhadap alam kehidupan seluruhnya; sehingga menjadilah segala kemahuan tubuh jasmani, segala perhubungan sesama manusia, segala pengetahuan yang berdasarkan akal, dan segala kekuatan kebendaan: kesesuaian tunduk dengan sepenuhnya kepada Allah yang Maha Esa, yang menjadikan tujuh petala langit dan bumi, dan mentadbirkan seluruh alam menurut undang-undang yang telah di aturnya (yang tidak akan berubah dan bertukar ganti), meliputi undang-undang tabi'ī dan undang-undang shari'ah yang memandu amalan manusia.

Selain itu, Islam tidak mengiktiraf akan sebarang dasar yang akan menyatupadukan manusia selain daripada keyakinan yang disebutkan itulah, yang mengatasi segala jenis perbezaan tabī‘ī seperti bangsa, kaum, warna kulit dan tanah air. Rasanya tidak terselindung bahawa keyakinan atau iman kepada Allah ‘*Azza Wa Jalla*, hanya timbul dari fikiran yang berhati-hati dan ikhtiar yang sebebas-bebasnya. Keyakinan itu akan membebaskan dari belenggu serba jenis perasaan taksub, baik taksub yang berdasarkan tanah tumpah darah, atau suku sakat atau pun darah keturunan mencengkam manusia dalam masa kehidupan jahilnya, dan masih mengerahkan kemajuan ilmu pengetahuan dan kekuasaan kebendaan dalam zaman tamadun untuk kepentingan perasaan taksubnya itu, sehinggalah kehidupannya menjadi kehidupan yang penuh dengan permusuhan yang menggugat keamanan dunia, bahkan membahayakan keselamatan umat manusia seluruhnya.

Bersandarkan Dasar Tauhīd

Seyogialah diketahui, bahawa Islam tatkala membentuk bagi dirinya suatu masyarakat dan suatu peraturan yang tersendiri, maka dia kedapatan membentuknya di atas dasar tawhīd, (satu alam kehidupan di bawah perintah Tuhan Yang Maha Esa), iaitu dasar yang menggambarkan suatu hakikat kebenaran yang menjadi setinggi-tinggi hakikat kebenaran yang telah dicapai oleh akal manusia khasnya melalui ilmu-ilmu pengetahuan tabī‘ī. Sebenarnya makin bertambah luas lapangannya ilmu pengetahuan tabī‘ī yang tersebut, makin pula bertambah jelas kepada seseorang penyelidik, bahawa “matahari dan bulan beredar dengan hitungan yang tertentu.....” iaitu beredar menurut undang-undang tabī‘ī yang tetap yang meliputi seluruh alam, sehingga menjadikan langit dan bumi sunyi daripada pertentangan

kekuatan yang ada padanya dan pertelingkahan dalam sebab-sebab dan kesan-kesan yang timbul daripadanya. Amat benarlah hakikat ini sebagaimana yang dijelaskan di dalam al-Qur’ān al-karīm “jika ada di dalam keduanya – langit dan bumi – tuhan-tuhan selain daripada Allah nescaya akan binasalah keduanya’.

Walau bagaimanapun, ahli-ahli penyelidik, terutama pada masa yang akhir-akhir ini, telah mengetahui suatu hakikat lagi, iaitu wujudnya kejadian makhluk di dalam alam ini bukanlah seperti hasil jentera semata-mata, tetapi membuktikan bahawa kejadiannya itu dengan pertauraan yang dihitug, disukat dan ditadbirkan oleh Allah ‘*Azza Wa Jalla* (*taqdīr al-‘alī al-‘azīm*). Tetapi sayang! pengetahuan tentang hakikat ini dengan melalui penyelidikan ilmu pengetahuan tabī‘ī, tidak pula mendatangkan apa-apa perubahan kepada akhlak manusia dan tidak dapat mengarahkan perasaan manusia kepada persaudaraan dan bertolong bantu sama sendiri – iaitu arah yang kelihatan ibarat sebuah loket permata dalam kalung keistimewaan kebudayaan Islam.

Kekejaman Puak-Puak Penjajah

Dalam zaman kita ini, kita lihat perkara-perkara yang menakjubkan! Misalnya bangsa-bangsa dan kerajaan-kerajaan penjajah mengakui bahawa mereka mempunyai kata yang tertinggi dalam soal-soal yang berhubung dengan dasar demokrasi. Pada hal kedapatan pencerobohan-pencerobohan dan kekejaman-kekejaman yang ngeri sedang bermaharajalela dalam kawasan dunia yang terbentang luas dari negeri Cina serentak ke Algeria di Afrika Utara, dalam pada itu Perancis masih teraku-aku membawa bendera kebebasan dan persamaan, dan Britain masih menganggap dirinya menjadi bintang demokrasi yang sebenar-benarnya. Tidakkah orang-orang kulit

putih telah gagal segagal-gagalnya dalam usaha mereka hendak membangkitkan rasa kasih dan hormat kepada diri mereka dari pihak bangsa-bangsa kulit berwarna? Sebenarnya Britain boleh berbangga bahawa tatkala dia mengundurkan diri dari benua Asia telah meninggalkan di belakangnya parlimen-parlimen yang menjadi ikutan kepada ibu parlimen-parlimen di Westminster, dan juga peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah susunan kerajaan yang berbentuk barat, tetapi dia (Britain) tidak akan sanggup mengemukakan satu bukti pun tentang perpaduan dan percampuran darah di antara pihak yang memerintah dengan penduduk-penduduk yang diperintah, seperti yang dilakukan oleh Islam dalam zaman kekuasaannya meningkat tinggi dahulu, yang masih didapati bukti-buktinya yang hidup di negeri Sudan, di Afrika Timur dan di Afrika Utara. Bukti-bukti yang disebutkan adalah menggambarkan dengan sejelas-jelasnya akan pandangan orang Islam dan cara pergaulannya dengan penduduk negeri-negeri yang didatanginya, berbanding dengan orang-orang Barat yang – pada amnya – meninggikan diri mereka kerana bangsa dan warna kulit mereka. Dasar Islam yang istimewa dalam hal ini adalah tersimpul dalam hadis Nabi (S.A.W) yang bersabda: “*kullukum li ādam wa ādam min turāb*” (semua kamu ialah keturunan Adam, sedang Adam itu pula terjadi daripada tanah).

Demokrasi Cara Barat

Alangkah jauhnya pandangan orang Islam yang tersebut daripada cara berfikir orang yang berkulit putih pada zaman kita ini, kerana dia tidak sanggup meninggalkan perasaan bongkak sombongnya, sekalipun dia terpaksa beralah melepaskan setengah daripada kedudukan dan kekuasaan yang sekian lama dipegang olehnya. Tindakan yang dilakukan oleh orang-orang putih terhadap orang-orang hitam (*Negro*)

di Amerika, dari satu masa ke satu masa, dan siaysah membeza-bezakan darah keturunan yang dilakukan oleh kerajaan Afrika Selatan dengan bermaharajalela, semuanya adalah menjadi sifat suatu penyakit merana yang telah tertanam di dalam diri, yang berhutang dengan kebudayaan barat zaman ini, iaitu kebudayaan *Greek* dan *Rom*. Kerana mereka memandang dasar demokrasi itu hanya terkurung di dalam sempadan negeri-negeri mereka yang sempit, dan mereka tidak putus-putus memandang kepada “orang Barbar” diluar dengan pandangan penghinaan. Demokrasi yang manakah yang hanya mendesak manusia berlaku lemah lembut terhadap kaum kerabatnya dan bersikap adil kepada suku sakatnya, supaya mudah baginya melakukan kezaliman dan pencerobohan kepada orang-orang jauh (orang-orang asing)?

Sebenarnya adalah menjadi sia-sia, kalau kita mencari perkara-perkara yang baik dan membina, dalam lingkungan yang lebih luas, kepada orang-orang yang hati mereka tidak mendapat petunjuk dengan “petunjuk Allah *rabb al-‘ālamīn*”.

Dunia Ibarat Sebuah Masjid

Adapun Islam, makan ia sanggup membentuk fikiran yang menjadikan manusia bergerak terus-menerus pada melaksanakan dasar-dasar yang bertujuan itu, sama rata baik kepada kaum sendiri atau kepada orang-orang asing, sehingga perbuatan bertolong bantu dan bekerjasama pada mendirikan kebenaran dan kebaikan akan meliputi segenap pelosok alam dunia yang satu itu, yang telah dijadikannya ibarat sebuah masjid, dan yang di dalamnya manusia “menetap dan bersenang-lenang bagi suatu masa yang ditentukan”. Iaitu diuntukkan bagi manusia seluruhnya dengan tidak suatu umat itu mendapat sebarang kelebihan atas umat yang lain melainkan dengan

takwa. Jadi, demokrasi yang sebenarnya mestilah meliputi segenap tingkatan manusia, atau pun janganlah dia diberi nama “demokrasi” sama sekali.

Bahaya Faham Kebangsaan yang Sempit

Hakikat kebenaran ini telah diterangkan dengan sejelas-jelasnya oleh Toynbee, ahli tawarikh *Inggeris* yang masyhur, tatkala dia membayangkan dengan teliti dan dengan lanjut bahawa faham kebangsaan yang sempit, itulah yang telah menghalangi perjalanan dasar demokrasi, lalu mengeluarkan dia dari peringkatnya yang sebenar dan menyekatnya daripada mencapai tujuannya, iaitu menghebahkan roh persaudaraan di antara umat manusia amnya, bukan menghebahkan perasaan taksub kepada bangsa dan suku sakat, iaitu perasaan yang telah dan masih meletuskan peperangan dunia yang menghancurkan leburkan

Fahaman yang Memecah-belahkan Manusia

Apa yang telah dibayangkan oleh Toynbee ini pernah juga dibayangkan oleh al-marhum Dr Muhammad Iqbal, pujangga Islam yang terkenal, bahawa umat manusia tidak akan senang dan tenang tenteram selamanya selagi fahaman kebangsaan yang sempit dan berbahaya itu bermaharajalela dalam kalangan mereka, iaitu fahaman yang telah mengerah dan memecahkan mereka berpuak-puak sehingga sukar hendak mencantumkan semula, baik di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun dalam sebarang pertubuhan sedunia yang lain.

Demikian juga halnya yang berhubung dengan iqtisād dan kemajuan perusahaan dan pertukangan, kerana sudah barang tentu, tidak ada suatu perkara yang menghalangi kemajuan selain daripada fahaman kebangsaan yang sempit itu, kerana fahaman itu tidak putus-putusnya


mendirikan sekatan-sekatan terhadap perpindahan dan peredaran hasil-hasil perusahaan, penanaman modal, tenaga pekerja-pekerja dan pakar-pakar di antara negara-negara dunia.

Keistimewaan Kebudayaan Islam

Kedua-dua segi inilah yang di dalamnya kelihatan kelebihan dan keistimewaan kebudayaan Islam dari kebudayaan-kebudayaan lain, terutama kebudayaan barat di zaman ini.

Sejarah telah menyaksikan bahawa Islam telah berjaya dengan tidak bertolak banding dalam menekan dan menyekat perasaan kebangsaan sempit di dalam kalangan manusia sehingga menjadikan – misalnya- Ibnu Battuta dapat mengembara di seluruh alam Islam dalam keadaan seolah-olah dia berpindah dari suatu keluarga kepada suatu keluarga sendiri; ia bermastautin dan berkahwin di mana ia suka dan menyandang jawatan tinggi di India dan di Maldives dengan permintaan raja-raja negeri itu dan keredaan penduduknya – pada hal ia seorang Arab Maghribi dari Afrika Utara.

Jelasnya akal fikiran dan rasa kesedaran yang bersendikan akidah tawhīd, dialah yang akan menjamin hidupnya ruh demokrasi yang sebenar-benarnya, yakni persaudaraan di antara umat manusia amnya. Adapun majlis-majlis parlimen dan sebagainya, maka dia tidak melebihi daripada merupakan peraturan-peraturan untuk mengambil keputusan-keputusan yang di antaranya bertujuan kepada bermaharajalela dan melakukan kerosakan di bumi. Sebaliknya apabila hilang lenyap roh persaudaraan itu, maka tidak akan wujud kemakmuran sedunia selamanya, bahkan kemajuan ilmu pengetahuan dan perusahaan (pertukangan) akan berpaling menjadi bala’ atas umat manusia seluruhnya – baik golongan yang sedang menikmati kesenangan



Dr Buhranuddin al-Helmy, Yang Di-Pertua Agung Persatuan Islam Se-Tanah Melayu, sedang berucap dalam suatu perjumpaan PAS Singapura, baharu-baharu ini.

dan kemewahan mahupun golongan yang menderita kemiskinan.

Persaudaraan dan Kemakmuran Dunia

Perkara yang seyogianya di perhati ialah bahawa blok negara-negara Islam tidak sukakan dasar sesuatu bangsa memperhamba bangsa yang lain, dan sesuatu kaum yang menindas kaum yang lain, tetapi semata-mata menjalankan dasar-dasar yang mulia, yang bersendikan keamanan dan perpaduan, persaudaraan dan kemakmuran sedunia, dan berusaha bersungguh-sungguh pada menjayakan dasar menekan dan membenamkan perasaan kebangsaan yang sempit, serta menyingkirkan segala halangan dan rintangan dari jalan tawhīd – persatuan sejagat dalam mengeluarkan hasil kebendaan,

dan persatuan manusia amnya dalam persaudaraan, dan terutamanya mengEsakan Tuhan – Allah ‘Azza Wa Jalla – pada menghukumkan perkara-perkara yang timbul dari dalam diri manusia dan perasaan hati.

Alangkah baiknya, kalau umat Islam berpegang teguh kepada keistimewaan kebudayaan mereka ini? Tidak ada kelebihan bagi bahasa-bahasa dan peradaban mereka melainkan apabila dia menjadi alat bagi menghidupkan dan mengemukakan keistimewaan ini kepada penduduk dunia tetapi ini tidak akan berhasil melainkan setelah mereka terlebih dahulu mengawal diri mereka daripada perasaan kebangsaan yang sempit, yang dinamakan oleh Toynbee, ahli sejarah yang terkenal: “penyakit yang berbahaya”, dan benarlah nama yang diberikannya itu.